



RINA MOHD. HARUN (berdiri, tengah) bersama pelajar GiatMara dalam Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada pasukan TVET@KPLB ke WSC 2019 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

TVET KPLB bawa cabaran ke WSC 2019

Oleh DIANA AZIS

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 OGOS

SERAMAI sembilan individu terdiri daripada pelajar dan tenaga pengajar dari institut Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan membawa cabaran negara dalam World Skills Competiton (WSC 2019) di Kazan, Rusia, pada 22 hingga 27 Ogos nanti.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, peserta yang merupakan warga GiatMara dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) akan berentap bersama 63 negara lain menerusi 56 bidang kemahiran yang dipertandingkan.

"Di antara 20 peserta negara yang bakal menyertai WSC 2019, GiatMara dan UniKL merupakan antara institusi TVET berjaya menempatkan lima pelajar berserta empat tenaga pengajar dalam kejohanan berprestij kali ke-45 itu.

"Secara tidak langsung ini membuktikan program pengajian di institusi TVET di bawah

KPLB mampu melahirkan pelajar yang kompeten dan bertaraf antarabangsa," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada pasukan TVET@KPLB ke WSC 2019, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, R. Sivarasa dan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Azhar Abdul Manaf.

Rina berkata, institusi yang terlibat dalam pertandingan tersebut adalah GiatMara Saratok, Sarawak dalam bidang teknologi fesyen; GiatMara Taiping, Perak (pemasangan elektrik); GiatMara Kota Tinggi, Johor (bricklaying) dan UniKL Ledang, Johor (pendingin hawa dan peti sejuk).

Sementara itu peserta dari GiatMara Seratok, Hanafi Osman, 21, optimis mampu membawa pulang sebutir pingat pada kejohanan tersebut.

"Saya bertanding dalam bidang teknologi fesyen yang bertemakan 'Russian Royal' dan semestinya akan memberikan yang terbaik pada kejohanan itu nanti.

"Persiapan telah dilakukan sejak 2017 lagi dan sepanjang dua tahun itu, banyak pencapa-

ian yang telah diperolehi antaranya 'Medallion of Excellence' pada kejohanan The Belt and Road International 2019 lalu dan pengalaman itu akan menjadi bekal ketika di Rusia nanti," katanya ketika ditemui.

Bagi pelajar UniKL Ledang, Haziq Fauzi Abdul Jalil, pengalaman menyertai beberapa siri kejohanan di peringkat Asia dan dunia akan dijadikan pembakar semangat untuk lakukan yang terbaik pada WSC 2019.

Pelajar berumur 21 yang akan bertanding dalam bidang penghawa dingin dan peti sejuk itu pernah memenangi pingat emas dalam World Skills ASEAN 2018 (WSA) lalu selain menerima pengiktirafan sebagai Best of Nation WSA tahun sama.

"Menerusi pengalaman menyertai pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa, saya memperbaiki kelemahan yang ada dan berharap segala usaha akan membuahkan hasil pada kejohanan itu nanti.

"Saya akan pastikan sekurang-kurangnya satu pingat akan diraih pada WSC 2019 nanti sekali gus dapat mengharumkan nama negara di peringkat dunia," katanya.